

Headline **FRIM komersialkan hutan Pasoh sebagai pusat ekopelancongan**
Date **09 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **26,27**
Article Size **320 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **9,063**
PRValue **27,189**



FRIM komersialkan hutan Pasoh sebagai pusat ekopelancongan

Oleh **Suzalina Halid**
suzalina@bharian.com.my

I NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) komited untuk mengkomersialkan stesen penyelidikannya di Pasoh sebagai pusat ekopelancongan dalam masa terdekat bagi menarik lebih ramai orang awam menjunjunginya.

Sehingga kini, tapak hutan simpan berkenaan yang terletak kira-kira lapan kilometer dari Simpang Pertang itu masih belum dikunjungi orang ramai secara komersial.

Proses menaikkan taraf stesen penyelidikan berkenaan sebagai pusat ekopelancongan disifatkan penting kerana ia boleh mendidik pengunjung mengenai kepentingan alam semula jadi.

Pegawai Penyelidikan Kanan FRIM, Wan Mohd Shukri Wan Ahmad, berkata statusnya sebagai hutan dara yang masih belum diteroka memberi kelebihan selain menyimpan khazanah alam yang terdiri daripada 733 pokok pelbagai spesis, serta lebih 75 spesies burung.

"Justeru, tidak mustahil kami mampu menjadikan Pasoh sebagai satu daripada pusat ekopelancongan yang mendapat perhatian pengunjung serta pelancong selain di Kepong.

"Bagaimanapun fokus untuk mengkomersialkan stesen ini adalah dengan menggalakkan lawatan daripada sekolah kerana kami tidak boleh membenarkan sehingga seribu pengunjung dalam satu masa, berikutan keadaan hutan yang hanya mampu menampung kira-kira 30 orang saja pada satu masa," katanya.

Bukan sekadar retorik, namun, katanya usaha untuk mencapai misi itu diteruskan dengan kerjasama syarikat korporat, HSBC Bank Malaysia Bhd bagi menganjurkan program lawatan daripada pelajar sekolah ke tapak hutan berkeluasan 2, 450 hektar ini.

Beliau berkata program berkenaan yang menyasarkan pelajar dari seko-

lah berhampiran sudah dimulakan pada akhir Julai lalu untuk sesi pertama, malah sesi berikutnya akan diteruskan pada September depan.

"Bagi sesi pertama kita menerima kunjungan daripada 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pasoh 2 dan menerusi lawatan terbabit, kami berpendapat pengetahuan mereka mengenai kepentingan dan kepelbagaian jenis pokok dapat ditingkatkan.

"Pada masa yang sama kami juga giat menganjurkan beberapa program bersama Kementerian Pelancongan dan Jabatan Hutan Malaysia bagi menghebahkan kepada masyarakat berkenaan kelebihan Pasoh," katanya.

Bagi mencapai hasrat untuk dinaik taraf sebagai pusat ekopelancongan, Wan Mohd Shukri berkata lokasi terbabit harus mencapai tahap 100 pe-

ratus sebagai hutan penyelidikan supaya usaha menuju ke arah itu dapat direalisasikan dengan mudah.

Justeru, katanya FRIM sedang berusaha mendapatkan taraf Tapak Warisan Semula Jadi oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bagi memudahkan Pasoh mendapat dana daripada kerajaan untuk meningkatkan kemudahan dan logistik di situ.

Selain itu, katanya Pasoh juga cenderung untuk menjalinkan kerjasama dengan institusi berkaitan terutamanya dari luar negara, bermula seawal 1991 lalu secara berterusan untuk menemui jawapan menerusi beberapa perkara berkaitan penanda aras pengurusan lestari hutan tropika serta interaksi haiwan dan tumbuhan di hutan terganggu atau tidak terganggu.

Hasil kerjasama lebih sedekad itu, katanya, sebanyak 200 jurnal dan buku berjaya diterbitkan antaranya bertajuk *Pasoh : Ecology of a Lowland Rain Forest in Southeast Asia*, juga peningkatan kemudahan infrastruktur termasuklah pembinaan Menara Aluminium Iklim setinggi 52 meter dan laluan kanopi sepanjang 475 meter dengan kos RM500, 000 pada 2005.

Malah, sejak 2003 hingga tahun lalu, FRIM Pasoh juga menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama National Institute for Envi-

ronmental Studies (NIES) dari Jepun yang membabitkan empat universiti serta Kementerian Pelajaran Jepun, Centre of Tropical Forest Science (CTFS) dan Smithsonian Tropical Research Institute (STRI) dari Amerika Syarikat bagi tujuan penyelidikan bertaraf an-

tarabangsa.

Melalui MoU itu, 12 projek di bawah lima kategori dapat dilaksanakan membabitkan penyelidikan terhadap perubahan karbon, biodiversiti, pengurusan kawasan tadahan air, kajian sosioekonomi, rangkaian serta pangkalan data.

"Kerjasama melalui MoU berkenaan juga meliputi pembabitan daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan, antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memperkasakan lagi penyelidikan itu.

"Kajian kita yang terbaru melalui kerjasama terbabit adalah penyelidikan sama ada fenomena pemanasan global dan perubahan iklim memberi kesan kepada tumbesaran pokok di hutan, namun kami masih belum menemui jawapan berikutan ia sedang dijalankan," katanya.

Wan Mohd Shukri, berkata dengan perkembangan kemajuan penyelidikan di Pasoh itu, ia sekali gus memberi hikmah kepada penduduk setempat apabila peluang pekerjaan terbuka luas dengan tawaran sebagai pembantu penyelidikan secara kontrak di situ.

Tidak mustahil kami mampu menjadikan Pasoh sebagai satu daripada pusat ekopelancongan yang mendapat perhatian pengunjung

Wan Mohd Shukri
Wan Ahmad
Pegawai Penyelidikan Kanan FRIM